

Dakwa segera pesalah kes kemalangan maut

Kuala Lumpur: Jabatan Peguam Negara perlu mempercepatkan pendakwaan kes kemalangan membabitkan kematian supaya pihak yang menjadi punca nahas dapat dikenakan hukuman secepat mungkin jika sabit kesalahan di mahkamah.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata ia juga dapat menunjukkan kepada rakyat bahawa pihak berkuasa memandang serius kes kemalangan maut di negara ini.

Langkah itu juga, katanya, dapat memberi pengajaran kepada semua pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati serta mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

“Hukuman berat terhadap pesalah kes kemalangan memang diperuntukkan mengikut Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987, tapi Jabatan Peguam Negara perlu segerakan pendakwaan supaya hukuman terhadap pesalah dapat dipercepatkan, katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena pelancaran kempen keselamatan jalan raya dan Ops Bersepadu Sempena Aidilfitri peringkat kebangsaan tahun ini di Kuala Lumpur Sentral, di sini, semalam.

Sementara itu, Tiong lai berkata, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan jumlah kemalangan jalan raya sepanjang tahun lalu meningkat kepada 521,466 kes berbanding 489,606 pada tahun sebelumnya. “Jumlah kematian akibat nahas jalan raya juga meningkat mendadak pada 2016 dengan 7,152 kematian berbanding 6,706 kematian pada 2015. Sebanyak 62.7 peratus atau 4,485 adalah pengguna motosikal. “Sepanjang musim perayaan Aidilfitri tahun lalu pula, sebanyak 20,982 kes kemalangan direkodkan di seluruh negara membabitkan 299 kematian,’ katanya.